



## MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR

### JAWATAN KOSONG

1. (a). Warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas, terdiri daripada pemohon atau ibu/bapa pemohon yang dilahirkan di Negeri Selangor yang berkelayakan dan memenuhi kriteria yang ditetapkan adalah dipelawa untuk mengisi kekosongan jawatan seperti senarai dibawah.
- (b). Keutamaan diberi kepada bekas atlet Negeri Selangor dan berpengetahuan serta berminat dalam bidang sukan.
- (c). (i) Tarikh mula iklan ialah pada **22 Julai 2019**  
(ii) Tarikh tutup permohonan ialah pada **5 Ogos 2019**

| BIL | JAWATAN                 | GRED |
|-----|-------------------------|------|
| A.  | <b>GRED LANTIKAN</b>    |      |
| 1   | PEGAWAI BELIA DAN SUKAN | S41  |

2. Taraf Jawatan : Kontrak
3. Umur : Calon-calon lantikan terus mestilah berumur dari 18 tahun pada tarikh iklan ditutup.
4. Jadual Gaji :
5. Syarat Lantikan : Sila rujuk portal rasmi MSN Selangor di alamat berikut:  
<http://www.mnselangor.gov.my>
6. Fungsi / Bidang tugas :
7. Cara Memohon :
  - (a) Semua permohonan hendaklah dibuat dengan memuat turun Borang Permohonan Jawatan di [www.mnselangor.gov.my](http://www.mnselangor.gov.my).
  - (b) Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dikemukakan kepada Majlis Sukan Negeri Selangor beserta dengan dokumen-dokumen sokongan seperti di perenggan (c) di bawah:
  - (c) Semua permohonan hendaklah disertakan sekeping gambar berukuran paspot, salinan kad pengenalan pemohon, ibu dan bapa serta sijil lahir, sijil-sijil persekolahan dan lain-lain dokumen yang berkaitan.
  - (d) Permohonan dari mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-Badan Berkanun mestilah melalui Ketua Jabatan dan hendaklah disertakan bersama Rekod Perkhidmatan yang dikemaskini dan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) yang terkini.
  - (e) Permohonan daripada kakitangan awam yang sedang berkhidmat hendaklah mendapat sokongan dan pengesahan Ketua Jabatan.
  - (f) **Permohonan yang tidak lengkap akan DITOLAK.**

8. Alamat Permohonan : Alamat Surat Menyurat:
- Pengarah Eksekutif**  
**Majlis Sukan Negeri Selangor**  
**Aras 2 & 3, Kompleks Belia Dan Kebudayaan Negeri Selangor,**  
**Lot 4, Jalan Platinum 7/52, Seksyen 7,**  
**Persiaran Kayangan, 40000 Shah Alam,**  
**Selangor Darul Ehsan**
9. Perhatian : (a) Hanya calon yang berkelayakan dan melepas saringan yang dijalankan sahaja yang akan dipanggil temuduga.  
(b) Pemohonan adalah dianggap **TIDAK BERJAYA** sekiranya tidak dihubungi dalam tempoh berikut:  
i. Selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup; atau  
ii. Selepas 6 bulan dari tarikh temuduga (sekiranya berjaya dipanggil temuduga)
10. Pertanyaan : Sebarang pertanyaan bolehlah dibuat dengan menghubungi pihak Urusetia melalui telefon atau melalui email berikut:  
(a) urusetia : 03-5510 9063  
(b) email : admin@msnselangor.gov.my

**1. NAMA JAWATAN : PEGAWAI BELIA & SUKAN (KONTRAK)**

Gred dan Jadual Gaji S41 : **GAJI MINIMUM** **GAJI MAKSIMUM**  
RM 2,078.00 RM 9,544.00

Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA) - RM 300.00

Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) - RM 300.00

Bantuan Saraan Hidup (COLA) - RM 300.00

Kenaikan Gaji Tahunan - RM 225.00

Skim Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional

Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional

Klasifikasi Perkhidmatan : Sosial (S)

**Syarat Lantikan:**

a) (i) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institut-institut pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

[ Gaji Permulaan: RM2,078.00 ] atau

(ii) Ijazah Sarjana Muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

[ Gaji Permulaan: RM2,281.86 ] atau

b) Kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**c) PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN**

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari masa ke semasa.

**d) DESKRIPSI TUGAS:**

Bertanggungjawab merangka dasar, merancang program serta aktiviti berkaitan kegiatan belia dan sukan di peringkat Negeri / Jabatan. Fungsi tugas termasuk memberikan bantuan dalam bentuk pinjaman kewangan, memberikan nasihat kepakaran serta penyeliaan berterusan bagi mengembangkan program-program belia dan sukan.